


PERHUBUNGAN DUNIA KITA DENGAN BINTANG YANG LAIN



Penduduk Bintang Zuhrah
(Venus)

Penduduk Bintang Marikh
(Mars)

Penduduk Dunia

Menurut pengagungan ahli sains bahawa penduduk bintang-bintang yang lain, tidak jauh bezanya dengan manusia penduduk dunia kita ini. Misalnya penduduk bintang Marikh menurut tahyul ahli sains adalah lengan, betis dan pahanya halus, dadanya bidang dan kepalanya besar. Berlainan daripada penduduk “bintang Zuhrah” yang gemuk bentuknya seperti badak.

Pada 24 Jun 1947, seorang jurutera bernama (Kenith Arnold) telah menyaksikan tujuh benda seakan-akan piring terbang di udara, mengelilingi suatu kemuncak tinggi. Derasnya benda-benda itu terbang menurut pengagakkannya adalah kira-kira 1200 batu sejam. 35 hari kemudian daripada itu cerita Arnold menyaksikan benda-benda itu telah terheboh di seluruh Amerika dipercakapkan orang di sana-sini. Berbagai-bagai cerita telah mencurahkan datangnya kepada surat khabar dari penulis-penulis - lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Masing-masing mengaku telah menyaksikan benda-benda ajaib itu manakala ahli-ahli pengetahuan telah menulis bermacam-macam jenis hasil penyasatan mereka lalu dihantar kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Pada suatu petang dalam bulan Oktober 1948 –

Seorang pegawai tentera sedang menjalankan sebuah kapal terbang yang dalam perjalanan hendak turun ke bumi, tiba-tiba dia terpancang suatu benda yang berkilat-kilat tidak jauh dari situ. Pegawai itu telah tertarik hendak mengetahui apakah benda itu lalu, dikejanya dengan mengambil masa kira-kira 27 minit, sehingga benda itu hilang dalam lapisan awan. Ia mengatakan bahawa “benda” itu terbang lebih deras daripada kapal terbangnya sendiri iaitu diagakkan di antara 300 dengan 400 batu sejam, dengan tidak berbunyi. Setelah pegawai itu turun ke padang perhentian terbang, tiba-tiba penjaga padang di situ berkata kepadanya: bahawa mereka telah menyaksikan perlumbaan dengan benda yang mereka tidak mengetahui apakah jenisnya.

Penjaga-penjaga “*wireless*” telah bekerja keras hendak mengetahui apakah benda-benda itu yang selalu kelihatan terbang di udara. Penerbang-penerbang telah dipertahankan supaya sebaik-baik sahaja benda-benda itu kelihatan hendaklah mereka mengejanya.

Alat-alat “radar” dan “fotograf” telah digunakan dengan harapan dapat menyingkap rahsia yang sentiasa menjadi tanda tanya itu, tetapi segala usaha mereka mereka sia-sia sahaja.

Pada 25 Ogos 1950, kira-kira pukul Sembilan 10 minit tatkala Doktor “W.A. Robinson “ guru geologi (alam isi bumi) di Universiti Texas sedang bercakap di halaman rumahnya dengan dua orang guru yang menjadi rakan sejawatan di universiti itu, tiba-tiba mereka bertiga terpandang benda-benda berkilau-kilauan teratur berbiji-biji dan berbentuk anak bulan – terbang di udara dengan derasnya. Beberapa minit kemudian mereka telah melihat suatu pasukan yang lain. Mereka pun berhubung dengan perhentian-perhentian terbang lalu diketahui dalam kawasan tersebut pada ketika itu tidak ada kapal terbang yang lalu di situ. Di antara bulan Ogos dan November tahun yang lalu, seorang guru di sebuah universiti telah menyaksikan benda-benda yang berkilau-kilauan itu terbang di udara kira-kira dua belas kali. Ceritanya itu telah dibenarkan oleh setengah-tengah rakan-rakan sejawatannya dan beratus-ratus orang lagi.

Pada suatu malam-30 Ogos 1950, salah seorang pakar telah dapat mengambil 5 buah gambar bagi benda-benda ajaib itu lalu di dapati kira-kira 20 buah benda bersinar-sinar, teratur merupakan bentuk anak bulan dalam setengah-setengah gambar yang lain dapat dilihat suatu benda besar pula di sebelah anak bulan itu. Cahaya yang terbit daripadanya sangatlah kuatnya dan dipercayai bukan sebagai panahan dari suatu tubuh lain yang bercahaya. Malah benda-benda itu sendiri yang menjadi puncanya. Kebanyakan ahli sains memandang sebabnya benda-benda itu tidak berbunyi ialah disebabkan dia terbang terlalu tinggi, sekurang-kurangnya setinggi 50 ribu kaki dan derasnya 18 ribu batu sejam.

Pada suatu malam musim panas tahun 1948, “Caleid Tumbu” seorang ahli falak yang telah dapat mengetahui kedudukan bintang “Pluto” sedang duduk di halaman rumahnya bersama isteri dan menantu perempuannya. Tiba-tiba dengan cara mengejut suatu benda telah melintas di atas kepala mereka lebih deras pada kapal terbang yang lalu menuju ke utara, benda ini kelihatan kepada mereka seperti sebuah kapal terbang yang daripada jenis yang tidak pernah mereka melihat seumpamanya, berwarna biru kehijauan, dapat dilihat dengan nyata mempunyai enam tingkap di sebelah hadapan dan di kiri kanannya. Sebahagian daripada juru-juru terbang telah mengakui bahawa mereka telah melihat benda itu pada masa yang tersebut itu juga dan bahawa dia tidak menyerupai sebarang jenis kapal terbang yang terkenal.

Pada 29 Mei 1951, kira-kira pukul tiga setengah pagi, tiga orang jurutera sedang bekerja dalam salah sebuah kilang, tiba-tiba mereka terpandang tiga puluh buah benda memancar-mancar seakan-akan tahi bintang melintas di hadapan mereka, mereka telah mengagakan besarnya kira-kira 30 kaki dan derasnya kira-kira 1700 batu sejam, bentuknya bulat, memancarkan cahaya biru dengan kuatnya.

Pada 20 Ogos 1951, kira-kira pukul lapan setengah, seorang pegawai perhentian terbang telah mengeluarkan perintah supaya orang-orangnya mengawas suatu benda yang bercahaya yang telah kelihatan dengan nyata berbatulan di atas padang terbang itu. Pegawai itu bersama-sama seorang penolong telah segera terbang kerana hendak menyiasat dengan jelas, tiap-tiap benda itu mematahkan cahaya lalu bergerak menjauhan diri seperti kilat pegawai itu dengan bantuan cahaya bulan telah dapat mengecam bentuk benda itu.

Pada malam 2 November 1951 pula, telah kelihatan sebuah “bola” daripada cahaya hijau melintas lalu seperti sebutir peluru di langit “Arizona” sebentar kemudian bola itu pecah dengan tidak berbunyi. Kejadian ini, telah disaksikan -sekurang-kurangnya- oleh 165 orang dan beratus-ratus orang



Penduduk Bintang Musytari
(Jupiter)

Penduduk Bintang Atari
(Mercury)

Orang Batu

Ahli sains percaya bahawa dalam sesetengah bintang-bintang ada makhluk-makhluk yang tidak bergerak, tidak membesar, dan tidak melahirkan anak, mereka bersefahaman sesama sendiri dengan jalan telepati (*Telepathy*) yakni dengan jalan perasaan dari hati kehati. Penduduk “bintang Utarid” ialah sejenis binatang berkaki empat yang tidak dapat memahami apa-apa yang berlaku di sekelilingnya. Manakala penduduk “bintang Mushtari” ialah sejenis makhluk yang tegap sasa bentuk tubuhnya, menyerupai manusia, hanya kepalanya sahaja berlainan, ia tidak melihat kerana tidak bermata tetapi dapat merasa atau memandang dengan hati melalui belalai-belalai yang tumbuh di kepalanya.

lagi telah menyaksikan kejadian serupa ini di lain-lain tempat .

Sekarang apakah dia benda-benda terbang dan bola-bola hijau itu? Sebenarnya benda-benda itu bukanlah sesuatu benda yang ditimbulkan oleh sangka atau khayal, dengan dalil benda-benda itu dapat diambil gambarannya, dan di antara orang-orang yang telah menyaksikan ialah ahli-ahli pengetahuan yang terkenal.

Bukan juga benda-benda itu “alat-alat” buatan yang telah dibentuk oleh ahli-ahli penyelidik Amerika, kerana segala pertubuhan-pertubuhan penyelidikan telah mengakuinya bahawa mereka tidak mengetahui langsung tentang benda-benda ajaib itu. Pertubuhan-pertubuhan penyelidikan berkenaan atom telah menegaskan bahawa benda-benda itu bukanlah daripada kejadian-kejadian udara yang terbit daripada cahaya atom. Atas dasar ini Doktor “Walter Readel” seorang ahli pengetahuan yang terkemuka berkepercayaan bahawa ada

perhubungan di antara benda-benda terbang yang bercahaya itu dengan cakerawala-cakerawala dan bintang-bintang yang berkedudukan jauh daripada bumi kita. Kepercayaan ini disokong oleh doktor “Mauritier Buyout”.

Tetapi mengapa benda-benda itu tidak mengeluarkan suara? Apakah dia kekuatan yang menggerakkannya dengan sebegitu deras sekali? Siapakah, atau apakah bendanya pula yang berada di dalamnya? Dan mengapa pula benda-benda itu kelihatan di lapangan di udara kita ?.

Tentang ini, ilmu pengetahuan – hingga hari ini, masih berdiri dengan tercengan dan lemah daripada menjawab, tetapi akan tiba juga kepada jawapan yang betul dalam masa yang tidak lama lagi, dan harus akan tiba kepada jawapan itu pada hari esok!- kata majalah “*La 'if*”

Dari “al-Hilāl”.